



Ruj. Kami : MAQIS 100-11/2/2(53)
Tarikh : 10 Julai 2018

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

ARAHAN PENGISIAN MAKLUMAT EJEN DI DALAM SISTEM *EPERMIT*

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berkuatkuasa **1 Ogos 2018**, pengisian maklumat ejen di ruangan "**Agent Details**" dalam sistem ePermit menjadi salah satu syarat **WAJIB** yang perlu diisi ketika proses permohonan permit. Arahan ini merangkumi segala jenis permohonan permit yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia.

3. Perkara ini bertepatan dengan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Pendaftaran Pengimport, Pengeksport dan Ejen) 2013, P.U.(A) 112 dalam Akta 728. Kegagalan pihak tuan/puan untuk berbuat demikian akan menyebabkan permit tidak akan diluluskan dan tidak akan dikeluarkan.

4. Sehubungan dengan itu, tuan/puan dinasihatkan untuk memeriksa dengan teliti segala maklumat yang diisi di dalam sistem *ePermit* sebelum menghantar permohonan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(CHE AN BINTI MOHD JONED)

Timbalan Ketua Pengarah

b.p. Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

Putrajaya

s.k. Semua Ketua Pintu Masuk Pejabat MAQIS